

USAHA PENTERJEMAHAN MANUSKRIP MAJLIS ACEH KE DALAM BAHASA INGGERIS

Yahaya Jusoh
Kamarul Azmi Jasmi

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan sosial, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor

Suggested Citation:

Jusoh, Y. & Jasmi, K. A. (2007). Usaha Penterjemahan Manuskrip Majlis Aceh ke dalam Bahasa Inggeris in Hassan et. al. - *Membina Kepustakaan dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, pp 696-705. ISBN: 978-983-192-438-9.

Abstrak

Majlis Aceh atau Perintah Segala Raja-Raja di Aceh yang bertarikh 601H/1204M – 1231H/1815M merupakan antara penulisan karya manuskrip yang tertua dalam dalam penulisan karya politik dan salasilah raja di Negara Islam Aceh. Secara menyeluruh manuskrip ini merupakan satu catatan penting yang membincangkan etika raja dan pegawai, salasilah raja-raja dan senarai pegawai kerajaan dalam pemerintahan kerajaan Aceh Darussalam. Selain itu, manuskrip ini turut merangkumi adat istiadat dan undang-undang perdagangan yang dilaksanakan oleh kerajaan Aceh. Segala adat istiadat diraja dan peraturan pemerintahan yang dijalankan memperlihatkan wujudnya percampuran adat dan Islam. Manuskrip ini juga memperlihatkan betapa pengaruh Islam amat menyerlah termasuklah dalam sistem perdagangan. Apa yang pasti Perintah Segala Raja-raja satu gambaran penting proses perkembangan dan pembangunan pemerintahan serta ketamadunan masyarakat Melayu Islam di Asia Tenggara khususnya kerajaan Melayu Aceh Darussalam. Karya ini kemudiannya cuba dihuraikan secara mudah ke dalam bahasa Inggeris dengan kaedah penulisan yang memudahkan para pembaca memahami kandungan Majlis Aceh agar isi pengajaran karya ini dapat diambil oleh pembaca. Kertas kerja ini akan membincangkan usaha penterjemahan karya ini ke dalam bahasa Inggeris serta isi kandungan penting yang digarap oleh penulis asal untuk tatapan para pembaca.

USAHA PENTERJEMAHAN MANUSKRIP MAJLIS ACEH KE DALAM BAHASA INGGERIS*

Yahaya Jusoh

Kamarul Azmi Jasmi

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Majlis Aceh atau Perintah Segala Raja-Raja di Aceh yang bertarikh 601H/1204M – 1231H/1815M merupakan antara penulisan karya manuskrip yang tertua dalam dalam penulisan karya politik dan salasilah raja di Negara Islam Aceh. Secara menyeluruh manuskrip ini merupakan satu catatan penting yang membincangkan etika raja dan pegawai, salasilah raja-raja dan senarai pegawai kerajaan dalam pemerintahan kerajaan Aceh Darussalam. Selain itu, manuskrip ini turut merangkumi adat istiadat dan undang-undang perdagangan yang dilaksanakan oleh kerajaan Aceh. Segala adat istiadat diraja dan peraturan pemerintahan yang dijalankan memperlihatkan wujudnya percampuran adat dan Islam. Manuskrip ini juga memperlihatkan betapa pengaruh Islam amat menyerlah termasuklah dalam sistem perdagangan. Apa yang pasti Perintah Segala Raja-raja satu gambaran penting proses perkembangan dan pembangunan pemerintahan serta ketamadunan masyarakat Melayu Islam di Asia Tenggara khususnya kerajaan Melayu Aceh Darussalam. Karya ini kemudiannya cuba dihuraikan secara mudah ke dalam bahasa Inggeris dengan kaedah penulisan yang memudahkan para pembaca memahami kandungan Majlis Aceh agar isi pengajaran karya ini dapat diambil oleh pembaca. Kertas kerja ini akan membincangkan usaha penterjemahan karya ini ke dalam bahasa Inggeris serta isi kandungan penting yang digarap oleh penulis asal untuk tatapan para pembaca.

1.0 PENGENALAN

Tulisan ini cuba memberi gambaran tentang latar belakang manuskrip perintah segala raja-raja (Majlis Aceh) dan isi manuskrip secara ringkas sebelum membincangkan langkah yang diambil dalam usaha penterjemahan manuskrip ini ke dalam bahasa Inggeris. Contoh penterjemahan bagi setiap bahagian juga dibincangkan terutama dalam bahagian-bahagian utama daripada manuskrip ini.


2.0 LATAR BELAKANG MANUSKRIP

Manuskrip ini dinamakan sebagai Majellis Ache (Majlis Aceh) oleh Braddell (1850: 26) ketika beliau menterjemahkan sebahagian daripada manuskrip ini. Drewes dan Voorhoeve (1958: 14) pula menamakan manuskrip ini sebagai Adat Aceh. Namun penulis asal manuskrip, iaitu Isma'il bapa Ahmad, menamakan manuskrip ini dengan tajuk Perintah Segala Raja-raja.

* Kertas kerja di bentangkan di Persidangan Penterjemahan Antarbangsa Ke-11 pada 21-23 November 2007, Prince Hotel and Residence, Kuala Lumpur, Malaysia.

Kemungkinan besar manuskrip ini ditulis dari tahun 601 H (1204 M) secara beransur-ansur hingga ke tahun 1231 H (1815 M) dan sedikit kemas selepas tahun tersebut. Salinan manuskrip ini telah difakskan atas permintaan pihak London dari Pejabat Perpustakaan di India pada 21 Mac 1919. Urusan penghantaran menyebabkan manuskrip berbentuk lebih kecil daripada asal, iaitu dua halaman asal menjadi satu halaman (Gambar 1.0). Satu salinan diberikan kepada perpustakaan Universiti Edinburgh selain terdapat juga tiga salinan asal manuskrip ini di Universiti Leiden, Netherlands (Ricklefs dan Voorhoeve, 1977: 121).

Manuskrip ini ditulis dengan tangan dalam tulisan Jawi dan mengandungi 176 halaman. Secara umumnya, manuskrip ini terdiri daripada dua lajur. Setiap lajur mengandungi maksimum 11 baris dengan sembilan sentimeter bagi setiap baris (G.W.J. Drewes, 1958: 8). Salinan sumber asal dalam tulisan jawi ini terkandung dalam disertasi sarjana (Yahaya Jusoh, 1986) yang terdapat di Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia.




Gambar 1 Perenggan pertama manuskrip Perintah Segala Raja-raja atau dikenali di Eropah sebagai Majlis Aceh

Manuskrip ini kemudiannya telah ditransliterasikan ke dalam tulisan rumi bahasa Melayu yang diterbitkan oleh Penerbit UTM (Yahaya Jusoh & Kamarul Azmi 2007). Dalam manuskrip yang ditransliterasikan ini penggunaan tanda dan tambahan penting dilakukan dalam manuskrip ini sebagai panduan kepada pembaca. Tujuan tanda bacaan dan perkataan tambahan adalah untuk memudahkan lagi pemahaman terhadap manuskrip dan supaya lebih mesra pembaca. Tanda-tanda itu adalah seperti berikut:

- [] Perkataan yang terdapat antara tanda kurungan ini merupakan tambahan yang dilakukan oleh penyelenggara yang tidak terdapat dalam manuskrip asal. Tujuannya adalah untuk memudahkan pembahagian tajuk.

- ﴿3a﴾ Penggunaan kurangan ini merupakan pemisahan antara muka surat dalam manuskrip asal. Tanda ini bermakna berakhirnya satu-satu muka surat pada manuskrip asal
- ./,/:;/” Segala tanda bacaan dalam manuskrip yang telah ditransliterasikan merupakan tanda bacaan tambahan agar mudah difahami ayat-ayatnya. Manuskrip asal tidak terdapat tanda-tanda bacaan ini.

Kulit buku terbitan Penerbit UTM dan muka pertama transliterasi rumi seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 2.



[ETIKA RAJA
DAN PEGAWAI]



Fasal pada menyatakan umur dunia tatkala turun Nabi Allah Adam sampai kepada hari kiamat, iaitu tujuh ribu tahun lamanya. Asal hurufnya *alif* pada sehari bulan Muharram setelah sampai umur dunia ini lima ribu enam ratus tahun, maka jadilah pengulu kita Muhammad Rasulullah *sallāh 'alayh wa sallam*. Pada bulan Muharram jua, pada tahun *alif* pada sehari bulan sampai umur Nabi kita Rasulullah *sallāh 'alayh wa sallam* empat puluh tahun maka dititahkan ﴿3a﴾ Allah Taala memerang segala kafir pada hal mentahidkan Dia kira-kira dua belas tahun lamanya. Kemudian maka dititahkan Allah Taala memindah dari Mekah ke Madiinah memerang segala kafir pada tahun *say* pada bulan Muharram sehari bulan hari Selasa. Maka adalah lamanya nabi Muhammad dalam Madiinah itu sebelas tahun. Maka Nabi kita Muhammad Rasulullah *sallāh 'alayh wa sallam* pun wafat pada dua belas haribulan Rabiulawal pada hari Isnin pada tahun *was*. ﴿3b﴾

Bismillāh al-Rahmān al-Rahīm al-hamduilīlāh al-Mālik al-Jabbār, segala puji bagi Allah Raja Yang Maha Besar, *al-'Azīz al-Ghaffār*, yang Maha Mulia lagi mengampuni segala dosa hamba-Nya, *al-Muhammīn al-Sattār*, Yang mengurniai menutupi segala hal hamba-Nya, *wa al-salāmu wa al-salāmu 'alā Muhammad wa 'alīhī al-sayyibīn al-abbqār* dan rahmat Allah atas Muhammad

Gambar 2 Kulit buku dan muka pertama Transliterasi rumi bahasa Melayu, Majlis Aceh terbitan Penerbit UTM 2007

3.0 ISI UTAMA MANUSKRIP

Selain latar belakang manuskrip, isi utama manuskrip secara ringkas juga perkara yang perlu dibincangkan dalam tulisan ini untuk melihat bagaimana wacana ilmiah dalam bentuk sejarah dan adat istiadat Diraja Aceh telah ditulis sejak tahun 1204M. Secara ringkas isi utama manuskrip ini berkisar tentang lima aspek utama, iaitu:

- (1) Menghuraikan secara ringkas sejarah nabi Muhammad sebelum membicarakan secara lengkap kod etika atau peraturan memerintah dan bidang tugas raja dan pegawai pemerintah.
- (2) Perbincangan salasilah raja-raja Aceh dan sejarah lengkap pemerintah yang pernah

memerintah Aceh Dār al-Salām secara urutan, bermula sejak tahun 601 H (1204 M) ketika raja pertama, Sultan Johan Shah mengislamkan orang Aceh sehingga tahun 1231 H (1815 M) ketika Sultan Sharif Sayf al-‘Alam turun daripada takhtanya.

- (3) Istiadat dan atur cara raja termasuklah prosedur dan arahan dalam majlis upacara raja-raja dan perayaan.
- (4) Senarai pegawai dalam kerajaan Aceh.
- (5) Hal ehwal undang-undang perdagangan dan pelabuhan Aceh Dār al-Salām termasuk cukai dan bayaran yang dikenakan.

Perbincangan manuskrip ini dilakukan dalam bentuk perbincangan padat serta menggunakan tulisan jawi yang agak mudah difahami. Majlis Aceh ini boleh dianggap rujukan undang-undang dan peraturan kerajaan Melayu Islam Aceh yang lengkap dan sempurna dalam sebuah kerajaan.

4.0 LANGKAH PENTERJEMAHAN MAJLIS ACEH KE DALAM BAHASA INGGERIS

Bagi meningkatkan lagi kefahaman terhadap isi kandungan Majlis Aceh ini penyelenggara, iaitu Dr. Yahaya Jusoh dan Kamarul Azmi telah menyusun penterjemahan buku ini ke dalam bahasa Inggeris. Buku ini sedang dalam proses penerbitan yang juga akan diterbitkan oleh Penerbit UTM dan dijangka akan diterbitkan pada tahun 2008.

Usaha penterjemahan ini dianggap sukar kerana penyelenggara terpaksa memahami teks manuskrip jawi dengan baik dahulu sebelum diterjemahkan dengan tepat ke dalam bahasa Inggeris. Namun penterjemahan ini tetap juga mengekalkan muka surat asal teks tersebut.

Untuk memudahkan lagi pemahaman terhadap teks bahasa Inggeris ini dan teks asal, kajian terhadap teks juga telah dilakukan oleh penulis dengan tumpuan perbincangan sekitar perbandingan antara ajaran Islam sebenar dengan manuskrip Majlis Aceh. Hasil kajian mendapat bahawa Majlis Aceh ini sangat dipengaruhi dengan ajaran Islam yang berkembang semasa pemerintahan kerajaan Aceh. Pada masa yang sama nilai adat juga mempengaruhi penyusunan manuskrip ini. Boleh dikatakan bahawa Majlis Aceh ini adalah gabungan antara nilai Islam dan nilai adat. Buku ini juga dijangka akan diterbitkan dalam bahasa Inggeris oleh Penerbit UTM pada tahun 2008.

5.0 PENTERJEMAHAN YANG DILAKUKAN DALAM MAJLIS ACEH

Di sini dibawakan beberapa contoh penterjemahan manuskrip Majlis Aceh daripada bahasa Melayu transliterasi rumi ke dalam bahasa Inggeris dalam bahagian kod etika raja-raja dan pegawai kerajaan Aceh, sejarah salsilah raja-raja Aceh, Adat istiadat Diraja dan undang-undang perdagangan di pelabuhan Aceh.

5.1 Contoh penterjemahan bahagian kod etika raja dan pegawai kerajaan Aceh

Bahagian yang paling bermakna dalam manuskrip Majlis Aceh ini ialah perbincangan kod etika raja-raja dan pegawai kerajaan Aceh. Bahagian ini membincangkan etika

utama raja dan pegawai sebagai pengurus dan pemerintah kerajaan. Salah satu contoh kota etika yang boleh diambil pengajaran seperti berikut:

Majlis yang kedua puluh lima, peri mengatakan perintah syarat hulubalang setelah sudah bergurau dan bersenda dan ilmu hikmat peperangan dan berbagai hatian segala mereka itu dan dihimpunkan nikmatnya itu. Maka masalah hulubalang itu ke rumahnya maka tiga syarat dalamnya. Pertama, hendaklah hulubalang itu segala isi rumahnya mendengar sendiri yang ajaib-ajaib itu. Syahadan bersuka-sukaan segala isi rumahnya adalah ibarat yang arif yang hulubalang itu hendaklah seperti baginda 'Ali tatkala masuk perang mengandarani pada duka-duka di tengah medan maka segala rumput sekalian pun habis makin bertambah sempurna pula syarat dalamnya. ﴿17a﴾ Demikian lagi sempurna hulubalang. Setelah demikian maka ia pun tidurlah diulit-ulit dengan segala bunyi-bunyian yang indah-indah. Kedua syarat, hulubalang bangun daripada tidurnya, mandi. Maka berbuat taat ibadat dan mengucapkan istighfar dan selawat dan membaca tahlil dan tahmid. Syahadan beberapa membaca ism dan doa yang amat mustajab akan menambahi hasil segala ilmunya supaya dimenangkan Allah Taala daripada seterusnya. Ketiga syarat, hendaklah ia minta doa demikian, "Ya Ilahi ya Tuhanku, jauhkan daripada segala bahaya seteru itu." Syahadan sempurnakan kiranya khidmat maka disempurnakannyalah amalnya oleh hulubalang ﴿18a﴾ namanya. In shā' Allāh dikabulkan Allah jua kiranya doa mereka itu. Syahadan dijauhkan daripada segala seteru. WaLlāhu a'lam bi al-mawfiq al-madad.

(Yahaya Jusoh & Kamarul Azmi, 2007: 11)

Trasliterasi rumi manuskrip ini diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai berikut:

The twenty-fifth majlis states the regulations for the military chiefs after the celebration and practice of fighting and other activities. When all the equipment has been assembled they enter their camp on three regulations:

- first: the military chiefs and all members of the camps should listen to astonishing stories. This will make the members of the camp enjoy themselves. The military chiefs are to be like his majesty 'Ali who went to war, facing hardships in the battlefield, whose grass were destroyed. Thus, these are the regulations which should be obeyed ﴿17b﴾ to make them perfect military chiefs. Then the military chiefs are sent to sleep by all kinds of beautiful music.
- second: When he wakes up, a military chief takes a bath. Then he performs prayers, begs God's forgiveness, praises the Prophet (p.b.u.h.), extols Allāh. Then he recites the verses of the Qur'an and prays for the benefits of their knowledge and Allāh the Mighty will outwit their enemies.
- Third: He should, recite the following: "Oh Lord, my God, protect me from the danger of enemies' weapon." Then, the military chief's service and task will accomplish perfection and become a perfect military chief. ﴿18a﴾ with Insyā'Allāh (Allāh's the Mighty, will) their invocation will be answered by God. Therefore, they will be protected from all their enemies. WaLlāhu a'lam bi al-mawfiq al-madad (Allāh knows best, the perfect, the honoured)

5.2 Contoh penterjemahan bahagian sejarah salsilah raja-raja Aceh

Bahagian kedua daripada manuskrip pula menceritakan secara ringkas salsilah pemerintah Aceh sejak daripada Sultan Johan Shah, iaitu pada tahun 1204 M sehinggalah ke pemerintahan Sultan Ala al-Din Muhammad Shah Johan pada tahun 1794 M. Sejarah kesultanan ini disusun mengikut susunan pemerintah dan menceritakan juga secara ringkas peristiwa penting yang terdapat dalam pemerintahan raja-raja tersebut serta

tempoh pemerintahan mereka. Contoh penceritaan salasilah raja-raja ini adalah seperti berikut:

Al-Rafīq al-A'ālā

Bahawa inilah salasilah segala raja-raja yang jadi kerajaan dalam Aceh, Bandar Dār al-Salām.

Fasal pada hijrah Nabi ṣallaLlāhu ‘alayhi wa sallam enam ratus setahun (1204 M) pada sehari bulan Ramadan yawm Jumaat Ba‘da ṣalawāt. Sultan Johan Shāh datang dari atas angin yang mengislamkan negeri Aceh Dār al-Salām yang beristerikan anak balu dari duduk di Kendang, Aceh beranak seorang lelaki dinamainya Sultan Aḥmad dan adalah umur anak baginda itu kira-kira tiga puluh dua tahun maka baginda pun mati pada sanah 631, enam ratus tiga puluh **31b** setahun (1232 M) pada sehari bulan Rejab yawm Khamis. Maka adalah baginda itu dalam takhta kerajaan tiga puluh tahun sebelas bulan dua puluh enam hari.

(Yahaya Jusoh & Kamarul Azmi, 2007: 20-21)

Trasliterasi rumi manuskrip ini diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai berikut:

Al-Rafīq al-A'ālā (The Compassionate, The Mighty)

This is the genealogy of the kings who ruled the country of the port of Aceh Dār al-Salām

In the year of the flight of the Prophet ṣallaLlāhu ‘alaihi wa sallam (peace be upon him) six hundred and one (601 A.H./ 1204 A.D.) on Friday, the first of Ramaḍan. Ba‘da salawāt (Now then). Sulṭān Johan Shāh came from the West and converted the country of Aceh Dār al-Salām into Islām. He married a daughter of a widow who lived in Kendang, Aceh. She then gave birth to his son, named Sulṭān Aḥmad. In 631 A.H. (1232 A.D.) **31b** on Thursday, the first of Rajab after a reign of thirty years, eleven months and twenty-six days when his son was thirty-two years old, his majesty died.

5.3 Contoh penterjemahan bahagian adat istiadat raja-raja Aceh

Bahagian adat istiadat raja-raja Aceh ini merupakan penulisan tentang upacara yang dilakukan oleh raja-raja aceh dalam satu-satu upacara utama negara dalam negara Islam Aceh. Terdapat sebanyak sembilan adat istiadat utama yang terdiri daripada adat istiadat pengumuman puasa, adat istiadat malam Laylat al-Qadr, adat istiadat malam 27 Ramadan, adat istiadat sembahyang Hari Raya Puasa, adat istiadat majlis Hari Raya Puasa, adat istiadat raja sembahyang Hari Raya Haji dan Korban, adat istiadat Raja sembahyang Jumaat, adat istiadat hulubalang masuk mengadap raja, dan adat istiadat Mandi Safar. Adat istiadat ini jelas menunjukkan bagaimana pengaruh Islam yang mewarnai adat istiadat Diraja ini dan situasi yang digambarkan dalam manuskrip ini hampir menyerupai amalan keagamaan yang terdapat pada zaman ini. Salah satu contoh usaha penterjemahan bahagian adat istiadat ini seperti adat istiadat raja malam 27 Ramadan ini:

Alkisah maka tersebut perkataan pada malam dua puluh tujuh haribulan Ramadan antatan Shahbandar Mu‘izz al-Mulūk. Maka naik sembah Shahbandar Mu‘izz al-Mulūk mohon gong genderang berjaga-jaga dua malam. Maka pada **53a** malam dua puluh sembilan diarak oranglah antatan itu dari Bandar Dār al-Salām ke dalam Kota Dār al-Dunyā. Maka naiklah sembah nazir mohon dipanggil antatan itu. Maka sabda yang maha mulia maklum sembah nazir itu maka panggil antatan kain bersuji warna murap dan warna lembayung dan warna ungu tiga jenis tiga helai bertepi dendang bersirat berambu kesumba tiga helai dan baju pakaian pada serta kain juga warnanya tiga

helai dan lagi kain yang mengiring pakaian dua puluh empat helai akan baju pun dua puluh empat helai. Maka kain dan baju itu berbagai-bagai warnanya dan tengkolok pengiring pakaian yang kempeh delapan ﴿53b﴾ dan kempeh dua sembilan helai dan tengkolok sebidang tujuh helai. Qīmah tengkolok dua puluh helai. Itulah antatan ia Shahbandar Mu'izz al-Mulūk.

Kemudian dari itu, pada esokan hari maka adalah Shahbandar Seri Rama Setia mohon mengarak Raja Tajak Intan Dikarang pada tiga puluh haribulan Ramadan seperti adat majlis yang tersebut dahulu itu. Demikianlah adatnya.

(Yahaya Jusoh & Kamarul Azmi, 2007: 34-35)

Trasliterasi rumi manuskrip ini diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai berikut:

(These are the facts) For the inauguration of the vigil on the night of the twenty-seventh of Ramaḍan when Shahbandar Ma^ʿaz al-Mulūk presents his gifts. The Shahbandar Ma^ʿaz al-Mulūk pays obeisance and requests the drum for the vigil for two nights. ﴿53a﴾ On the night of the twenty-ninth, the gifts are brought in procession from the port of Aceh Dār al-Salām to the Fort Dār al-Dunyā. The guards pay obeisance and request the welcome of the gifts and his highness grants his permission. The gifts are clothing i.e. three pieces of embroidered body-dresses of fiery red, crimson and purple, each with different kinds of dyed-red lace; three pieces of shirts with body-dresses in the same colours; twenty-four pieces of royal escort body-dresses and twenty-four pairs of shirts. There are also body-dresses and shirts in various colours, eight pairs of flat headgears for the royal escorts ﴿53b﴾ nine pairs of double deflated headgears and seven pairs of single cloth headgears.

These are the gifts from Shahbandar Ma^ʿaz al-Mulūk. The next day, the thirtieth day of Ramaḍan, Shahbandar Seri Rama Setia requests the diamond encrusted royal insignia to be brought in procession according to the custom.

5.4 Contoh penterjemahan bahagian undang-undang perdagangan

Undang-undang pelabuhan Aceh dianggap undang-undang lengkap yang dibincangkan secara halus jumlah cukai yang dikenakan kepada barangan dan kumpulan pedangan yang berdagang di pelabuhan Aceh. Undang-undang ini boleh dianggap sebagai undang-undang yang paling lengkap di Asia Tenggara pada zaman kegemilangan kerajaan Islam Aceh yang belum dicapai oleh mana-mana kerajaan Islam di Asia Tenggara pada masa itu. Di sini diambil satu contoh petikan manuskrip dan terjemahannya dalam bahasa Inggeris bentuk cukai yang dikenakan kepada pedagang:

[5.1.18] Tafahus Belayar

Bahagi tafahus belayar suatu naskhah lagi kepada daftar penghulu kurkun Raja Setia Muda Lampulu akan penghulu kawal dua tahil delapan emas ﴿133b﴾ dan nazir empunya ganti dua tahil delapan emas dan kejurung kuala dua tahil delapan emas dan burat setahil dua emas dan tandil burat empat emas dan tandil kuala dua belas emas dan orang kuala burat tiga emas dan penghulu kunci setahil lima emas dan bujang fardu setahil lima emas dan penghulu khulaṣī setahil lima emas dan tandil kawal setahil lima emas dan laskar raja mitar dagang tujuh tahil emas dan khulaṣī delapan emas dan orang nazir seemas. Zahid akan Raja Setia Muda lima belas emas. ﴿134a﴾ Qīmah dirhamnya jadi dua puluh empat tahil seemas. Demikianlah bahagi adat tafahus belayar.

Adapun akan adat mengawal pada tiap-tiap kapal orang Islam bujang dalam dua orang dan sagi bandar seorang dan orang sagi kawal dan akan orang empat itu dan yang bujang dalam dua orang itu ia berganti-ganti seseorangnya duduk di kapal dan akan sagi

kawal dan sagi bandar dua orang itu ia pergi datang ke laut bersama-sama dengan sampan akan adat orang empat itu diberinya oleh nakhoda kapal itu pada sesebuah sampan Aceh empat ﴿134b﴾ emas dan jikalau sampan majjiwan pada sesebuah sampan dua emas dan lagi diberinya oleh nakhodanya akan bujang yang duduk di kapal itu makanan nasi dan sirih pinangnya. Jikalau kapal orang putih tiada adat yang mengawal itu sebagai lagi. Jikalau Malabari atau Dewal atau barang siapa yang membawa kembang emas akan adat orang yang empat pada sebuah sampan Aceh yang dipunggahkan kembang emas maka diberinya akan adat orang empat itu akan bujang dalam dua orang dan lagi sagi bandar sepuluh dan akan sagi kawal sepuluh. Jadi pada sesebuah sampan tiga puluh dan ﴿135a﴾ lagi adat di kuala pada sesebuah sampan Aceh kembang emas dua puluh seberang sana dan seberang sini. Jadi adat pada sesebuah sampan itu lima puluh. Demikianlah adatnya seperti kanun.

(Yahaya Jusoh & Kamarul Azmi, 2007: 90-91)

Trasliterasi rumi manuskrip ini diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai berikut:

3.2.18 Escorting Fees

The escorting fees to be divided according to the rule written by the royal scribe Raja Setia Muda Lampulu are as follows: two tahlil and eight emas to the head of the garrison; ﴿133b﴾ two tahlil and eight emas to the person replacing the inspector; two tahlil and eight emas to the chief guard of the river-mouth; One tahlil and two emas for the tower; four emas to the tower guard; twelve emas to the guard of the river-mouth; three emas to tower man at the river-mouth, one tahlil and five emas to the key-master, one tahlil and five emas to the harbour guard; one tahlil and five emas to the chief-in-charge of the crew; one tahlil and five emas to the territorial guard; seven tahlil and seven emas to the royal maritime guard; eight emas to the crew, one emas to the inspector and fifteen emas to Raja Setia Muda. ﴿134a﴾ Therefore, the total amount of clearing fees are twenty-four tahlil and one emas.

There are four guards escorting each Muslim ship, that is: two royal guards; one guard of the harbour; and one guard of the territory. The two royal guards take turns to escort in the ship whilst the guard of the harbour and the territorial guard escort the ship at the sea with a boat. The duty to the four guards, and each Acehnese boat used, is four emas. ﴿134b﴾ The shipmaster provides meals, betel leaves, and betelnuts or the guard escorting in the ship. European ships are exempted from the duties. For ships from Malabar and Sind or any other ship bringing dried fish, the duty for each Acehnese boat used to unload the dried fish are ten dried fish for the two royal guards; ten dried fish for the guard of the harbour and ten dried fish for the territorial guard. Therefore, altogether, or each boat used, thirty dried fish are required. ﴿135a﴾ There is a further duty levied for each Acehnese boat used, twenty dried fish for each side of the river-banks, herefore for each boat used, the duty of fifty dried fish is required as ordained.

6.0 RUMUSAN

Penterjemahan yang dilakukan daripada bahasa Melayu tulisan Jawi Lama ke bahasa Melayu tulisan Rumi baru seterusnya penterjemahan makna ini manuskrip ke dalam bahasa Inggeris dilakukan semata-mata supaya pembaca dapat memahami dengan baik isi kandungan manuskrip yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi ini. Banyak pengajaran boleh diambil daripada manuskrip ini khususnya dalam membincangkan aspek-aspek kenegaraan. Pengkajian terhadap manuskrip ini bukanlah satu usaha yang mudah melainkan memerlukan penelitian yang mendalam supaya khazanah ilmu daripada khazanah Islam Nusantara dapat dikecapi oleh umat Islam zaman kini.

7.0 RUJUKAN

- _____. 1850. "Ceremony Observed at the Court of Acheen" dalam *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*. Jilid 4. Singapore.
- _____. 1850. "Translation of the Annals of Acheen" dalam *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*. Jilid 4. Singapore.
- _____. 1851. *On the History of Acheen in The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*. vol. 5. Singapore.
- _____. 1983. *Islām in South-East Asia*. Leiden: E.J. Brill.
- Anderson, J. 1971. *Acheen and the Ports on the North and East Coast of Sumatra*. London: Oxford University Press.
- Aveling H. (ed.). 1979. *The Development of Indonesian Society*. Queensland: University of Queensland Press.
- Braddell, T. 1851. *Translations from the Majellis Ache dalam Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*. Jilid 5. Singapore.
- Christ, G.E. 1983. *The Nuttal Dictionary of English Synonyms and Antonyms*. London: Federick Warne.
- Donzel, E.V.B. , Lewis dan Pellat, Ch. (ed.). 1978. *The Encyclopaedia of Islām*. Leiden: E.J. Brill.
- Drewes, G.W.J. dan Voorhoeve, P. 1958. *Adat Atjeh*. VKI No. 24. Gravenhage, S. : Martinus Nijhoff.
- Elias, A.E. 1977. *Elias Modern Dictionary*. Cairo: Matba'ah al-Nahzah al-Jadidah.
- Gibb, H.A.R. 1961. *Shorter Encyclopaedia of Islām*. London: Luzac & Co.
- Haar, B. 1948. *Adat Law in Indonesia (Terj)*. New York: Institute of Pacific Relations.
- Hooker, M.B. 1978. *Adat Law in Modern Indonesia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hughes, T.P. 1896. *A Dictionary of Islam*. London W.E. Alien & Co., Ltd.
- Hurgronje, C.S. 1906. *The Achehnese*. (Diterj. oleh O'Sullivan, A.W.S.) Jilid. 1 dan 2. London: Luzac & Co.
- Iskandar, T. 1958. *De Hikajat Atjeh*. VKI No. 26. Cravenhage, S.: Martinus Nijhoff.
- Marsden, W. . 1966. *The History of Sumatra*. London: Oxford University Press.
- Maxwell, W.E. 1885. *The Law and Customs of the Malays with Reference to the Tenure of Land*. Singapore; t.p.
- Mead, J.P. 1914. *Hikayat Raja-Raja Pasai (Romanised version)*. JSBRAS, Jilid 66.
- Ricklefs, M.C. 1977. *Indonesian Manuscripts in the Great Britain*. London: Oxford University Press.
- Ricklefs, M.C. dan Voorhoeve, P. 1977. *Indonesian Manuscripts in Great Britain*. London: Oxford University Press.
- Salmone, H. A. 1890. *Arabic-English Dictionary on a New System*. London: Trubner & Co.
- Wilkinson, R.J. t.th. *A Malay-English Dictionary*. Tokyo: Daitoa Syuppan Kabusiki.
- Yahaya Jusoh, Dr. & Kamarul Azmi Jasmi (Pygr.). *Perintah Segala Raja-raja (Majlis Aceh)*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahaya Jusoh, Dr. (1986). *Majlis Aceh*. Disertasi Sarjana University of Kent at Canterbury England.
- Yusop, A.R. 1975. *Collins Gem Malay-English/English-Malay Dictionary*. London:

Williams Collins & Co.